

Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) di Sekolah-sekolah

Daerah Tumpat.

Peranan Pejabat Pendidikan Daerah Tumpat dan Cabarannya.

Adenan Bin Hashim

School Improvement Specialist Coach Plus (SISC+) Bahasa Inggeris

PPD Tumpat

Kelantan

Abstrak

Peningkatan hasil pembelajaran murid merupakan fokus bagi setiap orang guru, pemimpin sekolah, PPD dan JPN. Berbagai usaha yang dilakukan disetiap peringkat adalah bertujuan untuk memastikan murid belajar dan mendapat keputusan yang baik didalam setiap peperiksaan yang diduduki. Komuniti pembelajaran profesional merupakan satu inisiatif peningkatan kualiti pembelajaran murid dengan melaksanakan amalan kolaboratif peningkatan kualiti guru. Kertas kerja ini akan memfokuskan kepada amalan menganalisis data murid oleh kumpulan PLC dengan bimbingan PPD dalam menghasilkan intervensi secara kolaboratif yang menyumbang kepada impak positif terhadap pembelajaran murid.

Pengenalan

Bermula tahun 2011, di bawah inisiatif sub-NKRA Pendidikan, *School Improvement Programme (SIP)* yang dilaksanakan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG), guru dan pentadbir sekolah-sekolah terpilih telah berkursus untuk mewujudkan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) di sekolah masing-masing untuk mata pelajaran terpilih. Di PPD Tumpat, beberapa sekolah telah terpilih untuk melaksanakan PLC di sekolah masing-masing iaitu SMK Geting (2011, Matematik), SMK Sungai Pinang (2012, Bahasa Inggeris), SMK Kutan (2013, Sejarah), SMK Kampong Laut (2013, Bahasa Inggeris), SMK Geting (2013, Bahasa Inggeris), SMK Kutan (2014, Sains) dan SMUA Nurul Huda (2014, Bahasa Inggeris).

Pendedahan kepada alat-alat PLC seperti *Lesson Study*, *Learning Walks*, *Teacher Sharing Session*, *Peer Coaching* dan lain-lain telah memberi platform kepada pentadbir dan guru di sekolah untuk berkongsi ilmu dan kemahiran dalam usaha meningkatkan kualiti pembelajaran murid. Bermula daripada amalan PLC di sekolah, PPD Tumpat juga mula mewujudkan komuniti pembelajaran profesional di peringkat PPD dalam usaha meningkatkan kualiti kepimpinan dan guru di sekolah-sekolah di PPD Tumpat.

Kertas kerja ini akan membincangkan beberapa amalan PLC di peringkat PPD Tumpat dan akan memfokuskan kepada satu amalan yang berdasarkan data (*data-driven*) dan menunjukkan peningkatan pembelajaran murid.

Latarbelakang

Pejabat Pendidikan Daerah Tumpat telah ditubuhkan pada 16 Februari 2008 di bawah penyusunan semula Pejabat Pendidikan Daerah Semenanjung Malaysia. Beroperasi di bangunan tiga tingkat Sekolah Kebangsaan Tumpat dengan kakitangan seramai lima orang pegawai dan empat orang staf sokongan.

Pejabat Pendidikan Daerah Tumpat yang terletak lebih kurang 0.8 km dari Bandar Tumpat mula beroperasi secara rasmi pada bulan Jun 2008 apabila Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Mas memberi kuasa kepada PPD Tumpat mengurus sendiri hal pertukaran murid dan guru. Bagaimanapun pengurusan kewangan masih beroperasi di PPD Pasir Mas.

PPD Tumpat mempunyai 35 buah sekolah rendah dan 13 buah sekolah menengah dengan enrolmen murid 30,526 orang (2017) dan 2,210 orang guru (2017) dan 44 orang pegawai di PPD Tumpat.

Inisiatif Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) PPD Tumpat

1. Program PERAWAT (2011,2012,2013)

Program PERAWAT adalah satu program perkongsian yang dilaksanakan oleh Unit Akademik untuk meningkatkan prestasi peperiksaan awam sekolah-sekolah terpilih di PPD Tumpat. Program dilaksanakan dengan kerjasama guru cemerlang di PPD Tumpat untuk mata pelajaran teras terpilih. Guru-guru cemerlang terpilih di bawa ke sekolah terlibat untuk berkongsi ilmu dan kemahiran bersama guru, kemudiannya melaksanakan PdP bersama murid disaksikan oleh guru-guru mata pelajaran terlibat di sekolah berkenaan. Antara sekolah yang terlibat adalah SK Bendang Pa' Yong, SK Simpangan, SK Pulau Beluru dan SMK Geting.

Kaedah Pelaksanaan

Perbincangan terlebih dahulu akan diadakan oleh unit akademik PPD Tumpat bagi mengenal pasti sekolah dan GC yang terlibat. Setelah mengenal pasti sekolah dan GC yang terlibat, mereka ini akan dihubungi dan diberitahu mengenai program yang akan dilaksanakan termasuk persiapan yang perlu dilakukan. Sebaik rombongan pegawai PPD dan GC tiba di sekolah yang terlibat, satu taklimat dan perbincangan ringkas akan diadakan dengan pentadbir sekolah dan guru mata pelajaran kelas yang terlibat. Sejurus selepas itu, GC yang terlibat akan berpecah dan melaksanakan P&P mengikut kelas yang

ditentukan. Dalam masa yang sama guru mata pelajaran kelas yang berkenaan akan duduk di belakang kelas memerhatikan GC melaksanakan P&P. Pegawai-pegawai PPD pula akan memantau program secara keseluruhan. Selepas P&P berakhir, pegawai PPD akan berbincang secara ringkas dengan pentadbir, GC dan guru yang terlibat bagi mendapatkan maklum balas program dengan tujuan untuk penambahbaikan bagi program-program yang akan datang

2. Program Generik (2014)

Program Generik adalah program perkongsian PdP berkesan di PPD Tumpat dengan menggunakan pendekatan kelas terbuka (*open classroom*). Seorang guru Bahasa Melayu di SK Bunohan, Tumpat telah dipilih dan dibimbing oleh SISC+ untuk melaksanakan satu PdP dihadapan pentadbir dan ketua panitia dari semua sekolah rendah di Tumpat. Sebelum PdP, pentadbir dan ketua panitia telah diberi taklimat berkenaan PdP berkesan dan selepas PdP, sesi refleksi dan soal jawab telah diadakan dengan ulasan terhadap PdP dibimbing oleh Tuan Haji Ahmad Zamri Abdul Aziz, Guru Cemerlang (DG54) dan Encik Mohamad Shukor bin Mohamed Salleh SISC+ Bahasa Melayu. Rakaman video PdP telah dibuat oleh BTPN dan rakaman ini kemudiannya diedarkan kepada semua sekolah sebagai bahan LDP. Satu PdP untuk sekolah menengah juga telah diadakan di SMK Tumpat untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup, dihadiri oleh pentadbir dan ketua panitia dari semua sekolah menengah. Sesi taklimat dan refleksi dan soal jawab juga telah diadakan dibimbing oleh Tuan Haji Ahmad Zamri Abdul Aziz,

Guru Cemerlang (DG54) dan Encik Adenan Hashim, SISC+ Bahasa Inggeris. Rakaman video PdP telah dibuat oleh BTPN dan rakaman ini kemudiannya diedarkan kepada semua sekolah sebagai bahan LDP.

3. Program Lestari Kepemimpinan (ProLeK) Versi 2.0 PPD Tumpat 2016

Rasional

Hala tuju kepimpinan kebanyakkan sekolah kurang fokus kepada pengurusan pendidikan secara menyeluruh dan bersepadu. Hal ini meletakkan pencapaian kemenjadian murid bagi kebanyakkan sekolah hanya pada tahap memuaskan (dapatan Nazir). Tindakan PPD Tumpat melaksanakan program ini diharapkan menjadi pemangkin kepada rancangan pemajuan sekolah (*school improvement programme*) secara menyeluruh yang menjurus kepada penyelesaian masalah sebenar sekolah bagi mencapai kecemerlangan yang disasarkan iaitu **PPD Tumpat sentiasa menjadi PPD nombor satu**.

OBJEKTIF

Meningkatkan tahap kualiti sekolah ke arah kemenjadian murid dari aspek:

1. Kepimpinan sekolah dalam mengurus organisasi
2. Pengurusan kurikulum, kokurikulum dan sukan dan hal ehwal murid ke arah memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu
3. Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam kelas
4. Pelaksanaan program dan dasar-dasar Kementerian Pendidikan Malaysia.

BIDANG TUGAS RAKAN PEMBIMBING (RPB):

1. RAKAN PEMBIMBING akan membantu sekolah GBDB dalam bidang Pengurusan Kepimpinan dan Hala tuju sekolah selaras dengan Standard 1 SKPMg2
2. RAKAN PEMBIMBING akan membimbng sekolah GBDB dalam bidang Pengurusan Organisasi mengikut Standard 2 SKPMg2.
3. Membimbng sekolah GBDB untuk meningkatkan GPS bagi meningkatkan prestasi sekolah berdasarkan standard 5 SKPMg2.
4. Berkongsi amalan terbaik dalam semua aspek pengurusan bagi meningkatkan prestasi PPD Tumpat.
5. Membuat pelaporan prestasi sekolah GBDB dari semasa ke semasa kepada PPD.

BIDANG TUGAS RAKAN DIBIMBING (RDB):

1. RDB memberi kerjasama dari segi pentadbiran dan pengurusan sekolah.
2. RDB bersedia menerima idea dan cadangan penambahbaikan sekolah daripada RPB
3. RDB menerima dan berkongsi amalan terbaik dan kepakaran daripada RPB.

Inovasi/Amalan Terbaik

Program School Support Plan (2015, 2016, 2017)

Oleh kerana dasar wajib lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris yang telah diumumkan untuk SPM 2016, satu Komuniti Pembelajaran Profesional yang melibatkan guru-guru Bahasa Inggeris dari sekolah-sekolah hotspot di PPD Tumpat telah diwujudkan sebagai persediaan untuk membantu pihak sekolah. Satu bengkel selama 2 hari telah dilaksanakan kepada 27 orang guru Bahasa Inggeris dengan sesi-sesi yang diisi dengan isu berkenaan murid lemah, pengajaran untuk pemulihan dan pengajaran terbeza (*differentiation*). Guru-guru yang hadir juga menyediakan pelan tindakan untuk membantu murid lemah untuk lulus. Bengkel ini telah disusuli dengan taklimat kepada pentadbir sekolah untuk memastikan pelan tindakan dilaksanakan. SISC+ Bahasa Inggeris juga melaksanakan bimbingan berterusan untuk memberi sokongan kepada perubahan dan amalan PdP berkesan untuk murid lemah.

Program ini kemudiannya disokong oleh input daripada *Program School Support Plan* anjuran *English Language Teaching Centre* (ELTC) yang memfokuskan tindakan intervensi berdasarkan data (*data-driven intervention*). Guru-guru terlibat telah didedahkan dengan cara untuk melaksanakan intervensi berdasarkan skrip jawapan murid untuk Kertas 1 Bahasa Inggeris SPM. Hasil daripada analisis data dan tindakan-tindakan intervensi berbentuk rancangan pengajaran dan modul bengkel telah dikongsikan kepada semua guru yang mengajar Tingkatan 4 dan 5 sebagai bahan intervensi bantu lulus kepada calon

SPM untuk seluruh sekolah di PPD Tumpat.

Pada 18 Ogos 2015, satu perbincangan untuk menganalisis data telah diadakan oleh SISC+ Bahasa Inggeris bersama-sama 3 orang guru di SMK Kampong Laut, Tumpat untuk mencari sebab kenapa murid tidak lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris SPM. Seminggu sebelum perjumpaan ini, guru-guru yang terlibat telah melaksanakan ujian pra dengan mengarahkan murid menjawab soalan seksyen B kertas 1 Bahasa Inggeris SPM (karangan). Hasil jawapan murid untuk ketiga-tiga kelas belakang ini kemudiannya disemak oleh guru.

Semasa perbincangan didapati ramai murid yang tidak menulis langsung atau pun hanya menulis satu atau dua perenggan pendek sahaja. Oleh kerana seksyen B ini memerlukan 50 daripada 85 markah untuk kertas satu, murid-murid yang langsung tidak menulis ataupun hanya menulis satu atau dua perenggan pendek berkemungkinan besar akan gagal untuk kertas Bahasa Inggeris. Setelah hasil kerja murid-murid dianalisis (*unpacking*), didapati murid-murid ini tidak menulis atau hanya menulis pendek kerana mereka tidak mempunyai kemahiran kosa kata (*vocabulary*) dan tatabahasa (*grammar*) untuk menulis karangan.

Selepas itu, perbincangan diteruskan dengan melihat kepada soalan karangan yang dijawab oleh murid iaitu karangan berbentuk naratif. Analisis soalan tersebut (*unpacking*) diadakan untuk mencari apakah kemahiran minimum dari segi kosa kata (*vocabulary*) dan tatabahasa (*grammar*) yang perlu dikuasai

oleh murid-murid ini untuk membolehkan mereka menulis satu karangan pendek (100 - 150 patah perkataan) untuk mendapat markah minimum yang dapat membantu mereka untuk lulus. Hasil perbincangan mendapati murid mesti mempunyai kemahiran untuk menulis ayat-ayat mudah untuk menerangkan perbuatan (*action*), menceritakan perasaan (*feeling*) dan menggambarkan (*describe*). Satu contoh karangan naratif yang menggunakan ayat-ayat mudah dalam menerangkan perbuatan (*action*), menceritakan perasaan (*feeling*) dan menggambarkan (*describe*) kemudiannya dihasilkan sebagai contoh.

Setelah tamat perbincangan, guru-guru diminta untuk merancang beberapa RPH untuk mengajar kemahiran yang telah dikenalpasti. Salah satu RPH yang dihasilkan itu telah diajarn oleh salah seorang guru yang terlibat disaksikan oleh guru-guru yang terlibat bersama-sama ketua panitia Bahasa Inggeris. Hasil daripada PdP tersebut menunjukkan bahawa sebahagian besar murid boleh menguasai objektif pembelajaran PdP tersebut.

Hasil daripada usaha ini kemudiannya digunakan sebagai salah satu usaha intervensi untuk meningkatkan peratus lulus Bahasa Inggeris SPM di PPD Tumpat. Setelah analisis pasca peperiksaan percubaan Bahasa Inggeris SPM 2015 di PPD Tumpat didapati bahawa kadar peratus lulus di sebahagian besar sekolah di PPD Tumpat adalah rendah seperti mana jadual di bawah 1.

Jadual 1: Peperiksaan Percubaan SPM 2015

Bil	Sekolah	Peratus Lulus B. Inggeris
1	SMK Berangan	50.33
2	SMK Chabang Empat	45.71
3	SMK Dato Biji Wangsa	44.86
4	SMK Geting	41.86
5	SMK Kampong Laut	49.01
6	SMK Kutan	29.41
7	SMK Mahmud Mahyiddin	57.5
8	SMK Sungai Pinang	36.64
9	SMK Tumpat	66.78
10	SMK Wakaf Bharu	47.74
11	SMK(A) Falahiah	100
PPD Tumpat		53.36

Oleh kerana tempoh yang agak singkat sebelum peperiksaan SPM sebenar berlangsung, guru-guru tidak mempunyai masa untuk mengajar menggunakan RPH yang telah dihasilkan di SMK Kampong Laut. Oleh yang demikian, bahan bengkel telah dihasilkan agar guru-guru dapat mengajar kemahiran-kemahiran yang telah dikenalpasti dalam bentuk perbengkelan. Satu bingkai ‘frame’ juga telah dihasilkan untuk membantu murid menulis karangan naratif ini. Bingkai ini bertujuan memberi sokongan kepada murid semasa mereka menulis karangan naratif.

Let's Write - Narrative (Story)																														
Action (perbuatan)	Subject (Noun)			Verb			Object (noun)			Feeling (Perasaan)	Subject (Noun)			Verb			Complement (Adjective)			Describe (cerita)	Subject (Noun)			Verb			Complement (Adjective)			
	I	ate	rice	I	was	happy	The cat	was	cute		Saya	gembira		Kucing itu		comel														
	Saya	makan	nasi	Saya			Kucing itu																							
Subject	I	Saya																			Object	Village	kampung							
We	We	Kami																			Trees	pohon-pohon								
You	You	Awak																			Fish	ikan								
They	They	Mereka																			Bell	bola								
The boy	The boy	Budak lelaki itu																			Book	buku								
He	He	Dia (lelaki)																			Me	saya								
She	She	Ia (wanita)																			Them	mereka								
Prepositions	on	atas																			Adjective									
under	under	dawah																			Happy	gembira								
In	In	dalam																			Sad	sedih								
between	between	diantara																			Angry	marah								
Connectors																					Scared	takut								
																					Big	besar								
																					Biru	blue								
																					Cute	comel								
																					Bored	bosan								
																					Beautiful	cantik								
																					Dirty	kotor								
																					Old	tua								
Verb (perbuatan)	went	walked	ran	stopped	talked	drank	ate	smiled	wrote	cooked	fried	prepared																		
	pergi	berjalan	berlari	berhenti	bercakap	minum	makan	senyum	menulis	memasak	mengupas	menyediakan																		
	played	rested	swam	worked	pulled	pushed	fell	jumped	watched	sew	bought	paid																		
	bermain	beristir	berenang	berkerja	menarik	menyalak	jatuh	malompat	menonton	melihat	membeli	membayar																		
	read	studied	did	precised	washed	brushed	cleaned	swept	sat	stood	slept	woke																		
	memaca	belajar	memusat	berlatih	membersih	membersih	membersih	manyapu	duduk	berdiri	tidur	bangun																		

Bingkai Let's Write a Story

Action (perbuatan) Sentence 1	Subject (Noun)	Verb	Object (Noun)	Action (perbuatan) Sentence 8	Subject (Noun)	Verb	Object (Noun)	Action (perbuatan) Sentence 15	Subject (Noun)	Verb	Object (Noun)
	The teacher	walked	into the classroom		Suddenly, she	fell down	onto the floor		Puan Aliza	came	into our class
	Guru itu	berjalan	ke dalam bilik darjah								
Describe (cerita) Sentence 2	Subject (Noun)	Verb	Complement (Noun/Adjective)	Feeling (Perasaan) Sentence 9	Subject (Noun)	Verb	Complement (Adjective)	Action (perbuatan) Sentence 16	Subject (Noun)	Verb	Object (Noun)
	It	was	the first period		We	were	shocked		She	helped	Puan Aida
Action (perbuatan) Sentence 3	Subject (Noun)	Verb	Object (Noun)	Action (perbuatan) Sentence 10	Subject (Noun)	Verb	Object (Noun)	Action (perbuatan) Sentence 17	Subject (Noun)	Verb	Object (Noun)
	Everyone	stood up			The class monitor	rushed	to the office		Then, an ambulance	arrived	
Action (perbuatan) Sentence 4	Subject (Noun)	Verb	Object (Noun)	Action (perbuatan) Sentence	Subject (Noun)	Verb	Object (Noun)	Action (perbuatan) Sentence	Subject (Noun)	Verb	Object (Noun)
	We	greeted	Puan Aida		He	informed	the principal		The paramedics	brought	Puan Aida to the hospital

Bahan bengkel

Impak

Keputusan SPM 2015 menyaksikan peningkatan peratus lulus Bahasa Inggeris SPM oleh 9 daripada 11 buah sekolah di PPD Tumpat berbanding peperiksaan percubaan seperti Jadual 2. Peningkatan diantara 3.67% hingga 20.94% yang berlaku mungkin disumbangkan oleh usaha-usaha intervensi berasaskan data hasil daripada usaha PLC dikalangan guru-guru Bahasa Inggeris SPM.

Jadual 2: Analisis Peratus Lulus Bahasa Inggeris SPM 2015 PPD Tumpat.

Bil	Sekolah	Peratus Lulus Bahasa Inggeris SPM		
		Percubaan 2015	SPM 2015	Beza
1	SMK Berangan	50.33	50.31	-0.02
2	SMK Chabang Empat	45.71	62.14	16.43
3	SMK Dato Biji Wangsa	44.86	58.28	13.42
4	SMK Geting	41.86	51.09	9.23
5	SMK Kampong Laut	49.01	68.32	19.31
6	SMK Kutan	29.41	48.53	19.12
7	SMK Mahmud Mahyiddin	57.5	61.17	3.67
8	SMK Sungai Pinang	36.64	57.58	20.94
9	SMK Tumpat	66.78	73.88	7.1
10	SMK Wakaf Bharu	47.74	65.97	18.23
11	SMK(A) Falahiah	100	100	0
PPD Tumpat		53.36	64.62	11.26

Jadual 3: Analisis Peratus Lulus Bahasa Inggeris SPM 2015 - 2016 PPD Tumpat.

Bil	Sekolah	Peratus Lulus Bahasa Inggeris SPM		
		SPM 2015	SPM 2016	Beza
1	SMK Berangan	50.31	51.88	1.57
2	SMK Chabang Empat	62.14	60.98	-1.16
3	SMK Dato Biji Wangsa	58.28	62.86	4.58
4	SMK Geting	51.09	60.48	9.39
5	SMK Kampong Laut	68.32	56.77	-11.55
6	SMK Kutan	48.53	71.40	22.87
7	SMK Mahmud Mahyiddin	61.17	67.17	6.00
8	SMK Sungai Pinang	57.58	61.68	4.10
9	SMK Tumpat	73.88	79.62	5.74
10	SMK Wakaf Bharu	65.97	71.26	5.29
11	SMK(A) Falahiah	100	100	0.00
PPD Tumpat		64.62	67.10	2.51

Analisis peratus lulus Bahasa Inggeris SPM 2015 - 2016 menunjukkan 8 daripada 11 buah sekolah di PPD Tumpat berlaku peningkatan diantara 1.57% hingga 22.87% dan hasil dari mesyuarat pasca SPM 2016 mendapati, sekolah sekolah yang berlaku peningkatan peratus lulus menyatakan bahawa penggunaan Bingkai *Let's Write a Story* di sepanjang tahun 2016 telah membantu murid menulis karangan berbentuk naratif.

“The very essence of a learning community is a focus on and a commitment to the learning of each student....if the organization is to become more effective in helping all students learn, the adults in the organization must be continually learning.”

(Dufour, Eaker, and Many, 2006)

Seperti yang dinyatakan oleh Dufour, Eaker dan Many di atas, pendekatan *School Support Plan*, iaitu pendekatan intervensi dengan mengkaji data individu murid (skrip jawapan) adalah satu usaha intervensi yang menunjukkan komuniti pembelajaran profesional (PLC) belajar untuk meningkatkan pembelajaran murid, seperti apa yang dinyatakan oleh prinsip asas PLC iaitu memastikan pembelajaran murid, budaya kolaboratif dan fokus kepada pencapaian. Ianya juga memperlihatkan komuniti pembelajaran yang fokus kepada pembelajaran murid dengan bertanyakan soalan-soalan utama dalam konsep PLC iaitu: Apakah aspek yang kita ingin murid belajar? Bagaimana kita tahu yang mereka sedang belajar? Bagaimana kita respon jika murid tidak belajar? Bagaimana kita respon jika murid belajar? Soalan-soalan di atas telah membantu komuniti PLC di SMK Kampong Laut untuk menghasilkan inovasi yang menyokong pembelajaran murid lemah dalam menulis karangan naratif.

Cabaran dan penambahbaikan

Cabaran yang dihadapi di PPD Tumpat adalah bagaimana pendekatan *School Support Plan* di atas dapat digunakan oleh semua guru untuk semua mata pelajaran. Hasil yang dicapai oleh komuniti pembelajaran Bahasa Inggeris SPM seperti yang dibincangkan di atas adalah hasil usaha guru-guru di SMK Kampong Laut dan SISC+ Bahasa Inggeris PPD Tumpat berdasarkan data (skrip jawapan) murid-murid di SMK Kampong Laut. Setiap orang guru disetiap sekolah perlu mengetahui data murid mereka masing-masing. Setiap sekolah perlu mewujudkan komuniti pembelajaran profesional mereka sendiri bagi menganalisis data dan menginovasi aktiviti pembelajaran dan pengajaran untuk memastikan murid belajar.

Pemimpin di setiap sekolah perlu mengambil kira PLC sebagai salah satu elemen penting dalam meningkatkan kualiti guru di sekolah masing-masing. Pemimpin di sekolah mestilah menyedari bahawa pembudayaan kolaboratif PLC yang berfokuskan analisis data dan menginovasi pendekatan intervensi akan menyumbang kepada pembelajaran murid. Pemimpin di sekolah mestilah menyediakan ruang dan peluang bagi guru-guru berkolaboratif dalam usaha-usaha menganalisis data dan melaksanakan intervensi.

Kesimpulan

Komuniti pembelajaran profesional merupakan satu pasukan penting dikalangan guru bagi menganalisis data secara konsisten dan mencipta pendekatan efektif dalam usaha mengatasi defisit pembelajaran murid di sekolah masing-masing. Usaha yang dilakukan secara kolaboratif ini akan menyumbang kepada pembelajaran murid secara berfokus jika dilaksanakan secara berpandukan data (*data-driven*). Analisis data akan menunjukkan jurang (*gap*) pembelajaran dan pendekatan kolaboratif akan membantu guru mencipta inovasi dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran. PPD Tumpat melalui usaha School Support Plan dengan bantuan SISC+ telah menunjukkan bahawa pendekatan menganalisis data murid dapat mengenalpasti jurang pembelajaran dan seterusnya kimpulan PLC yang belajar dapat menginovasi intervensi yang berkesan untuk membantu pembelajaran murid.

Bibliografi

Dufour, Eaker and Many (2006). Learning by doing: A handbook for professional learning communities at work. New York. Teachers College Press